

Headline	Jumlah kutipan zakat Wilayah Persekutuan meningkat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Feb 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	L-27	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	344 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,799
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,397



Jumlah kutipan zakat Wilayah Persekutuan meningkat

PUTRAJAYA 27 Feb. - Sebanyak RM22 juta zakat dikutip di Wilayah Persekutuan sepanjang Januari lalu iaitu peningkatan 23 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, peningkatan itu meliputi 69,000 orang pembayar zakat berbanding 54,498 orang dengan kutipan hanya RM19 juta bagi tempoh sama pada 2013.

Katanya, kejayaan itu disumbangkan oleh ekonomi negara yang stabil dan bertambah kukuh sekali gus memberi peluang kepada syarikat serta individu berzakat.

"Kita membuat pembaharuan kaedah kutipan dengan mewujudkan wakalah atau mewakilkan portongan zakat individu menerusi syarikat tanpa memerlukan kehadiran pembayar ke mana-mana Pusat Pungutan Zakat (PPZ).

"Secara tidak langsung, kaedah ini memudahkan pembayar untuk melunaskan zakat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis penyerahan zakat perniagaan Lembaga Tabung Haji (TH) berjumlah RM5 juta yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail kepada Ketua Pegawai Eksekutif PPZ, Datuk Che Mat Che Ali.

Dalam pada itu, Jamil Khir berharap ekonomi negara terus berkembang sekali gus dapat menjana pendapatan rakyat dan akhirnya memberi peluang kepada umat Islam untuk melaksanakan ibadah zakat.

"Menerusi kutipan berkenaan, kita boleh membantu lebih ramai asnaf termasuk fakir dan miskin dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan mereka," katanya.



ISMEE Ismail (dua dari kiri) menyerahkan zakat perniagaan Tabung Haji kepada Che Mat Ali (dua dari kanan) sambil diperhatikan oleh Jamil Khir Baharom (tengah) di Putrajaya semalam.